KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	TNB			

BH
23.12.2021_6

TNB sedia RM44j bantu baik pulih keperluan asas mangsa

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyediakan peruntukan kecemasan berjumlah RM44 juta untuk membaik pulih dan membantu mangsa banjir dari segi keperluan asas dan penyaluran bekalan elektrik menggunakan set jana kuasa bergerak.

Selain itu, TNB turut menggerakkan 2,000 warga kerjanya di seluruh Semenanjung dalam usaha memulihkan semula bekalan, terutama memulihkan pencawang dan aset lain dengan mengujinya untuk memastikan ia selamat sebelum menyalurkan bekalan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din, berkata dana tambahan sebanyak RM4 juta daripada peruntukan RM44 juta itu adalah bantuan kewangan yang akan diagihkan melalui Tabung Bencana GLC/GLIC Disaster Response Network (GDRN) dan pengagihan oleh Tabung Warga TNB Prihatin.

Beliau yang turut mengadakan tinjauan keadaan di Hulu Langat, mengingatkan orang ramai bahawa bekalan elektrik hanya dapat disambung apabila pepasangan TNB termasuk pencawang elektrik dan meter di premis pengguna kering dan dipastikan selamat.

"Sehingga hari ini, 419 daripada 853 pencawang elektrik yang dihenti tugas sementara di Kelantan, Pahang, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur sudah dapat dipulihkan berikutan air surut di beberapa daerah di negeri berkenaan.

"Bagaimanapun bagi keadaan yang mana air sudah surut, namun pencawang elektrik di kawasan itu masih ditenggelami air dan masih dihenti tugas, TNB tidak boleh lagi menyambung bekalan di kawasan berkenaan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, faktor keselamatan awam sentiasa menjadi pertimbangan utama dalam usaha pemulihan bekalan.

Namun, katanya, setakat ini bekalan elektrik di pusat pemindahan sementara (PPS) bagi mangsa banjir dalam keadaan baik.

Sementara itu, dalam lawatan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan ke Taman Sri Muda, Shah Alam, kelmarin, beliau amat menghargai semua tindakan segera TNB termasuk menyediakan sokongan tenaga kerja serta logistik seperti bot dan kenderaan yang disifatkan sebagai pengorbanan serta sumbangan kepada negara.